

Keistimewaan Melayu, bumiputera kekal - Abdullah

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan terus mengekalkan kedudukan istimewa kaum Melayu dan bumiputera lain sejajar dengan kontrak sosial yang telah dipersetujui sejak merdeka.

Menurut Perdana Menteri, peruntukan bagi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera lain terkandung dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Kata beliau, kedudukan istimewa itu

termasuk dari segi jawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa, bantuan pendidikan dan bantuan dalam bidang perniagaan serta perdagangan.

"Namun begitu, dasar yang diperuntukkan oleh Perkara 153 perlu dilaksanakan mengikut undang-undang tanpa menganiaya, menidakkan atau mengabaikan mana-mana kaum lain," kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis pada persidangan

Dewan Rakyat, hari ini bagi menjawab soalan Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor).

Karpal meminta Abdullah menyatakan berapa lamakah kerajaan bercadang untuk mengekalkan kedudukan khas orang Melayu dan bumiputera lain di negara ini.

Dalam jawapan bertulis itu, Abdullah menjelaskan, kerajaan juga akan terus melaksanakan dasar yang dapat mempertingkatkan tahap sosioekonomi kaum Melayu

dan bumiputera lain.

"Ini adalah selaras dengan objektif kerajaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang mantap dan mapan di samping mencapai keseimbangan dalam tahap sosioekonomi antara kaum.

"Manfaat daripada kemajuan negara perlu dikecapi dengan seimbang oleh semua rakyat dalam usaha mencapai kemakmuran dan keharmonian berbilang kaum," kata beliau.